

SYARAT-SYARAT LESEN ALAT MENANGKAP IKAN TUGU

1. Pengusaha tugu mestilah mempunyai lesen yang sah yang dikeluarkan oleh Jabatan Perikanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan Negara Brunei Darussalam.
2. Tugu-tugu mestilah dikerjakan sendiri oleh pemegang-pemegang lesen yang terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
3. Seperti yang terkandung didalam Perintah Perikanan, 2009 di bawah Bahagian 7 (2), lesen-lesen adalah tidak boleh dipindah milik atau dipinjam-pinjamkan. Jika sekiranya seseorang pemilik lesen tugu berhenti dari mengoperasikan tugu-tugu mereka ataupun tidak lagi layak mengikut syarat-syarat di atas maka kebenaran lesen tersebut akan ditarik balik.
4. Tugu-tugu hanya dibenarkan untuk ditahan di kawasan-kawasan yang telah dikhaskan. Tugu-tugu tidak dibenarkan ditahan di luar kawasan-kawasan yang dikhaskan seperti yang ditentukan oleh Jabatan Laut dan Jabatan Perikanan.
5. Tempat dan bilangan tahanan tugu tidak boleh dipindah atau ditambah daripada yang dinyatakan di dalam lesen.
6. Tuan empunya tugu hendaklah bertanggungjawab bagi membuka semula turus-turus dan tiang-tiang tugu yang tidak digunakan lagi dengan perbelanjaan ditanggung oleh tuan empunya tugu berkenaan. Jika pemilik tugu berkenaan gagal untuk membuka semula tugu yang tidak digunakan lagi, Jabatan Perikanan berhak membuka semula turus-turus dan tiang-tiang tugu berkenaan dan semua perbelanjaan bagi membuka Tugu berkenaan akan ditanggung oleh tuan empunya tugu tersebut.
7. Pegawai-pegawai Jabatan Perikanan Yang Diberikuasa mestilah dibenarkan untuk menaiki atau memeriksa tahanan-tahanan tugu pada bila-bila masa.
8. Pengusaha-pengusaha tugu mestilah memberikan maklumat-maklumat setiap kali ianya dipinta oleh Pegawai-Pegawai Jabatan Perikanan Yang Diberikuasa.
9. Tuan empunya tugu mestilah menyediakan papan pengenalan seperti berikut:-

<p>30 cm</p> <p>15 cm</p>	<p>Nama :</p> <p>Nombor:</p> <p>Banyak tahanan :</p> <p>Tempat tahanan :</p>
---------------------------	--

Papan pengenalan tersebut mestilah sentiasa ditempatkan (digantung) di tiang tugu masing-masing dan butir-butirnya mestilah mengikut apa yang tertulis dalam lesen-lesen yang berkenaan.

10. Pengusaha-pengusaha tugu yang gagal mematuhi syarat-syarat tersebut diatas akan didakwa di bawah Perintah Perikanan, 2009 atau jika sabit kesalahan boleh dihukum denda \$10,000.00 dan penjara selama 1 tahun atau kedua-duanya sekali.
11. Pengusaha-pengusaha tugu mestilah mempunyai lesen perahu yang sah, yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Maritim dan Pelabuhan Kementerian Perhubungan Negara Brunei Darussalam
12. Pengarah Perikanan berhak dan boleh menambah atau mengubah syarat-syarat ini mengikut keperluan dari masa ke semasa.

Saya dengan ini adalah bersetuju dengan syarat-syarat yang tersebut diatas:

Nama : _____

Jawatan : _____

Syarikat : _____

No. Kad Pengenalan : _____

Tandatangan : _____

Tarikh : _____

Diluluskan oleh Pegawai Yang Diberikuasa :

Nama : _____

Jawatan : _____

Tandatangan : _____

Tarikh : _____

